

07/03/2001

Aidiladha disambut meriah di seluruh negara

rudin; Azmi Md Deros; Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR, Selasa - Umat Islam di seluruh negara hari ini menyambut Aidiladha dalam suasana meriah dan penuh kesyukuran, dimulai dengan bertakbir memuji kebesaran Allah, diikuti solat sunat Aidiladha dan menyempurnakan ibadah korban.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, menunaikan solat Aidiladha bersama kira-kira 1,000 umat Islam di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah di Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Ini adalah kali pertama Seri Paduka menunaikan solat sunat itu di masjid berkenaan sejak ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong pada 1999. Turut sama, Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah, dan Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo. Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah tidak turut serta kerana menunaikan haji dan dijangka pulang pada 13 Mac ini.

Selepas menunaikan solat, Seri Paduka menyertai majlis korban yang diadakan di pekarangan masjid itu dengan baginda menyumbang empat ekor lembu, manakala Pemangku Raja Selangor mengorbankan seekor lembu.

Di Alor Star, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Al-Bukhary di Pusat Islam Al-Bukhary di Alor Malai, Jalan Langgar, di sini.

Selepas menunaikan solat, Perdana Menteri meluangkan masa setengah jam untuk bersalaman dengan jemaah yang berasak-asak mengerumuni beliau di luar pekarangan masjid.

Beliau kemudian menziarahi pusara ayah dan ibunya, Allahyarham Mohamad Iskandar, dan Allahyarhamah Wan Tempawan Wan Mohd Saman, di Tanah Perkuburan Islam Akar Peluru, Jalan Pegawai.

Dr Mahathir juga mengambil kesempatan melawat isteri rakannya, Khatijah Hashim, 76, yang uzur dan tinggal di rumah berhampiran kawasan perkuburan itu.

Rakan seperjuangannya dalam politik itu, Othman Hanafiah, 83, juga uzur dan terpaksa menggunakan kerusi roda ketika turut bersama-sama melawat pusara ibu dan ayah Perdana Menteri.

Selepas itu, Dr Mahathir ke Istana Anak Bukit untuk mengadap Sultan Kedah. Sebelum itu, Sultan Kedah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir.

Di Georgetown, Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir bersama lebih 5,000 umat Islam menunaikan solat Aidiladha di Masjid Negeri. Hamdan turut mengorbankan seekor lembu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut melakukan ibadah korban di kediamannya di Kepala Batas, Seberang Prai Utara (SPU) selepas menunaikan solat Aidiladha bersama penduduk setempat di Masjid Jamiul Badawi.

Di Seri Menanti, Kuala Pilah, Yang Dipertuan Besar, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman menunaikan solat Aidiladha di Masjid Seri Menanti kira-kira jam 9 pagi.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, pula mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Kampung Baru, SiRusa, Port Dickson selepas menyertai majlis korban yang diadakan oleh pegawai dan anggota Kor Armor Diraja di Kem SiRusa.

Di Ipoh, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah diiringi Raja Muda, Raja Nazrin Shah dan Menteri Besar dan Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, menunaikan solat Aidiladha di Masjid Sultan Idris Shah II bersama kira-kira 3,000

umat Islam.

Di Johor Bahru, Tengku Mahkota Johor, Tengku Ibrahim Ismail Iskandar dan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman bersembahyang sunat Aidiladha bersama lebih 1,500 umat Islam di Masjid Pasir Pelangi.

Di Melaka, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, menunaikan solat Aidiladha di Masjid Negeri Al-Azim.

Selepas solat, Mohd Ali menghadiri majlis korban di beberapa surau dan masjid termasuk di Bukit Katil, Bukit Tempurung dan Bukit Gedong.

Di Kota Bharu, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan bersama kerabat diraja yang lain menunaikan solat Aidiladha di Masjid Muhammadi sebelum menerima kunjungan rakyat pada majlis penghadapan di Istana Balai Besar.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menunaikan solat Aidiladha di masjid Kampung Pulau Melaka.

Di Kuala Terengganu, sambutan Aidiladha juga meriah walaupun cuaca agak mendung dan hujan.

Sultan Mizan Zainal Abidin dan Menteri Besar, Abdul Hadi Awang menunaikan solat Aidiladha di Masjid Al-Muktafiyillah Shah, Ladang.

Abdul Hadi turut mengkorbankan dua ekor lembu dan seekor kerbau di kampungnya, Rusila, Marang, sebaik selesai menunaikan solat Aidiladha.

Di Kuching, umat Islam menyambut Aidiladha secara sederhana, tetapi amalan kunjung mengunjungi tetap dilakukan, khususnya membabitkan keluarga terdekat.

Menteri Muda Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Awang Tengah Ali Hassan, mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, mengagihkan daging korban yang disembelih di Sarabif, Pending.

Di Kota Kinabalu, Aidiladha juga disambut sederhana dengan beberapa pemimpin kerajaan negeri menyumbangkan ternakan korban untuk diagihkan kepada golongan fakir dan miskin.

Di Sembulan, empat lembu, tiga kambing dan seekor kerbau dikorbankan untuk diagihkan kepada 300 keluarga miskin sekitar kawasan itu. Agihan itu dilakukan Jawatankuasa Masjid Sembulan dengan mengunjungi setiap rumah keluarga terbabit.

(END)